

Pengarah Urusan Motorola Kongsi Kepakaran Dengan Pelajar UMP

Kuantan, 27 Oktober- Lebih 500 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) menghadiri program Industrial Talk By CEO bersama Dr. Hari Narayanan yang merupakan Pengarah Urusan Motorola Solutions Malaysia Sdn Bhd anjuran Jabatan Jaringan Industri dan Masyarakat.

Menurut Pemangku Timbalan Pendaftar Jabatan Jaringan Industri dan Masyarakat (JJIM) UMP merangkap Pegawai Fokal KPT di UMP, Mohd Raizalhilmy Mohd Rais berkata program sehari ini menampilkan Dr. Hari Narayanan yang mempunyai berpengalaman lebih 23 tahun bersama syarikat Motorola Solutions Malaysia Sdn untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang Pengurusan Projek.

Ujarnya, perlaksanaan program ini juga selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 yang dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi bagi mewujudkan graduan berpengalaman luas yang mempunyai permintaan tinggi dalam pasaran kerja.

Selain itu, menerusi program ini juga membolehkan para pelajar mendapat pelbagai input berguna dalam dunia kerjaya. Saya harapkan menerusi program ini mampu meningkatkan kebolehpasaran dikalangan para graduan kelak.

"Program ini juga turut diadakan di kampus UMP Pekan pada sebelah petangnya bersama pelajar tahun tiga dan empat di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Eletronik (FKEE). Dr. Hari Narayanan banyak berkongsikan pengalamannya sepanjang berkecimpung dalam pengurusan projek," katanya.

Bagi Dr. Hari Narayanan, dalam pengurusan projek kita perlu disiplin dalam merancang, dan menguruskan sumber bagi mencapai sasaran yang kita kehendaki. Katanya, pengurusan projek ini mempunyai empat fasa iaitu permulaan, perancangan, pelaksanaan, pemantauan serta kawalan.

Manakala pelajar, Muhammad Naqiuddin Afif Hussin 21 berkata, banyak ilmu yang diperolehi sepanjang sesi ini digunakan antaranya seperti mengetahui proses di dalam operasi dan bagaimana cara yang lebih sistematik untuk

memulakan sesuatu projek.

Sementara itu rakannya, Siti Fatimah Sedek Muhammad,21, melahirkan rasa bertuah kerana dapat mempelajari banyak perkongsian pengalaman dengan Dr Hari yang mempunyai banyak pengalaman dalam pengurusan projek. Selain itu juga beliau dapat memperolehi maklumat dengan lebih jelas tentang process life cycle dalam pengurusan projek.



Kuantan, 27 Oktober- Lebih 500 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) menghadiri program Industrial Talk By CEO bersama Dr. Hari Narayanan yang merupakan Pengarah Urusan Motorola Solutions Malaysia Sdn Bhd anjuran Jabatan Jaringan Industri dan Masyarakat.

Menurut Pemangku Timbalan Pendaftar Jabatan Jaringan Industri dan Masyarakat (JJIM) UMP merangkap Pegawai Fokal

KPT di UMP, Mohd Raizalhilmy Mohd Rais berkata program sehari ini menampilkan Dr. Hari Narayanan yang mempunyai berpengalaman lebih 23 tahun bersama syarikat Motorola Solutions Malaysia Sdn untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang Pengurusan Projek.

Ujarnya, perlaksanaan program ini juga selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 yang dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi di bawah inisiatif utama lonjakan kedua kecemerlangan bakat bagi mewujudkan graduan berpengetahuan luas yang mempunyai permintaan tinggi dalam pasaran kerja di samping pendedahan terhadap suasana sebenar di industri.

Menerusi program ini membolehkan pelajar mendapat pelbagai input berguna dalam dunia kerjaya selain mampu meningkatkan kebolehpasaran dalam kalangan graduan kelak.



Selain itu, menerusi program ini juga membolehkan para pelajar mendapat pelbagai input berguna dalam dunia kerjaya. Saya harapkan menerusi program ini mampu meningkatkan kebolehpasaran dikalangan para graduan kelak.

"Program ini juga turut diadakan di kampus UMP Pekan pada sebelah petangnya bersama pelajar tahun tiga dan empat di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Eletronik (FKEE). Dr. Hari Narayanan banyak berkongsikan pengalamannya sepanjang berkecimpung dalam pengurusan projek," katanya.



Bagi Dr. Hari Narayanan, dalam pengurusan projek kita perlu disiplin dalam merancang, dan menguruskan sumber bagi mencapai sasaran yang kita kehendaki. Katanya, pengurusan

projek ini mempunyai empat fasa iaitu permulaan, perancangan, pelaksanaan, pemantauan serta kawalan.

Manakala pelajar, Muhammad Naqiuddin Afif Hussin 21 berkata, banyak ilmu yang diperolehi sepanjang sesi ini digunakan antaranya seperti mengetahui proses di dalam operasi dan bagaimana cara yang lebih sistematik untuk memulakan sesuatu projek.

Sementara itu rakannya, Siti Fatimah Sedek Muhammad,21, melahirkan rasa bertuah kerana dapat mempelajari banyak perkongsian pengalaman dengan Dr Hari yang mempunyai banyak pengalaman dalam pengurusan projek. Selain itu juga beliau dapat memperolehi maklumat dengan lebih jelas tentang process life cycle dalam pengurusan projek.



Sementara itu, program *Lecture by the CEO* yang melibatkan penyertaan hampir 300 pelajar kejuruteraan di UMP Pekan turut menampilkan Mr. Shirish Kaner, Pengurus Rekabentuk Inovasi di Motorola yang berkongsi pengalaman beliau dalam merekabentuk dan menginovasi produk-produk Motorola agar selari dengan keperluan dan kehendak manusia. Ujarnya, setiap produk baharu yang diperkenalkan akan melalui pelbagai proses termasuk mendapatkan pandangan pengguna, pra rekabentuk, kajian lapangan dan sebagainya. Sesi interaktif ini mendapat sambutan menggalakkan daripada para pelajar dengan mengambil peluang bertanya untuk mendapatkan penjelasan dan kefahaman lebih lanjut setiap topik yang dibentangkan.

Program yang mendapat kerjasama fakulti-fakulti ini adalah sebahagian aktiviti di bawah CEO@Faculty Programme (CFP) yang dirangka untuk tempoh sehingga September 2016 merangkumi program Industrial Talk, syarahan umum, sesi penasihat bersama industri, forum, lawatan industri dan sebagainya.